

22/02/1998

Howard tangguh ke Malaysia

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri Australia, John Howard menangguhkan lawatan rasmi tiga harinya ke Malaysia yang dijadual bermula hari ini, berikutan krisis Iraq.

Howard menghubungi sendiri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam bagi memaklumkan penangguhan lawatannya.

Dr Mahathir yang ditemui pemberita di majlis jamuan Aidilfitri dan Tahun Baru Cina anjuran Jabatan Perdana Menteri di sini semalam, mengesahkan Howard menelefonnya memberitahu perkara itu.

"Dia kata ada masalah berhubung penyertaan Australia dalam pergerakan di Iraq. Sebab itu dia mesti berada di Australia untuk buat keputusan," katanya.

Terdahulu, ketika bercakap kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP), Dr Mahathir berkata, beliau memang berharap lawatan pertama Howard ke negara ini dapat mengukuhkan lagi hubungan dua hala kedua-dua negara.

Menurutnya, hubungan Malaysia-Australia yang keruh satu masa dulu, kini semakin bertambah baik.

Sementara itu, Howard dalam sidang akhbar di Sydney berkata, beliau menangguhkan lawatannya kerana mahu berada di Australia apabila keputusan berhubung krisis di Iraq hendak dibuat kerajaannya.

"Kini agak jelas kepada saya bahawa keputusan penting berhubung pembabitan tentera Australia dalam tindakan ketenteraan terhadap Iraq mungkin perlu diambil minggu depan," katanya.

Ketika ditanya bentuk tindakan yang perlu diambil ke atas Iraq, Howard berkata, pertama ialah sama ada usaha keamanan selanjutnya tidak akan membawa makna jika misi diplomatik Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Kofi Annan gagal.

"Kedua ialah kemungkinan pembabitan tentera Australia dalam tindakan ketenteraan," kata Howard yang berharap untuk menjadualkan semula lawatannya ke Malaysia pada tarikh yang terdekat.

Australia sudah berjanji untuk menyumbangkan 250 anggota tenteranya dalam misi serangan Amerika Syarikat terhadap Iraq berikutan keengganan Presiden Saddam Hussein membenarkan pemeriksaan senjata PBB memeriksa semua kawasan yang disyaki menjadi tempat simpanan senjatanya.

Australia sudah menghantar 110 anggota pasukan Perkhidmatan Udara Khas (SAS) ke Kuwait, bersama dua pesawat Boeing 707 untuk mengisi minyak di udara. Pasukan itu belum menerima kelulusan untuk terbabit secara aktif dalam tindakan ketenteraan.

Howard dijadual tiba di sini malam ini untuk lawatan rasmi pertama ke Malaysia sejak beliau menjadi Perdana Menteri Australia pada Mac 1996.

Mengenai reaksi Dr Mahathir, Howard berkata, sungguhpun kesal, Dr Mahathir faham dengan keadaan itu.

Howard berkata, beliau juga kesal dengan pembatalan itu kerana berhasrat menyampaikan sendiri keyakinan kerajaan Australia terhadap usaha yang diambil Malaysia untuk menangani masalah ekonominya.

Selain Malaysia, Howard juga menangguhkan lawatannya ke Papua New Guinea. Beliau dan Dr Mahathir bertemu tidak lama selepas pemilihannya apabila Dr Mahathir singgah di Australia ketika dalam perjalanan pulang dari New Zealand selepas menghadiri Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel.

Satu misi perdagangan yang disertai kira 40 ahli perniagaan Australia

diketuai Majlis Perniagaan Australia-Malaysia (AMBC) turut dijadualkan menyertai rombongan Howard ke negara ini.

Presiden AMBC, Paul McClintock, berkata beliau kecewa tetapi memahami keputusan Howard untuk membatalkan lawatan itu.

"Howard menelefon saya dan melahirkan perasaan kesalnya dengan pembatalan itu. Kami memahami sebab pembatalan itu.

"Kami berharap ia dapat dijadualkan semula secepat mungkin kerana sambutan anggota-anggota kami terhadap lawatan itu sangat positif dan memberangsangkan," katanya.

Sementara itu, Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Malaysia, Bob Cotton, berkata keputusan menangguhkan lawatan itu sangat sukar bagi Howard, tetapi penting baginya untuk berada di Australia apabila keputusan mengenai kedudukan anggota tentera Australia di Teluk perlu diambil.

Cotton berkata, pegawai kedua-dua negara akan berbincang untuk menetapkan tarikh baru lawatan Howard.

(END)